جابتن ڤنديديقن كوكوريكولوم
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BULETIN RASMI PENDIDIKAN KOKURIKULUM

MEDIA KOKU

NOV 2019 - APRIL 2020

PENGASINGAN PELAJAR DI HOTEL

PEMANTAUAN PELAJAR YANG MENJALANI PENGASINGAN DIRI SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

ISI KANDUNGAN

MEDIA KOKU

ISU 001/BULETIN RASMI KOKURIKULUM/NOV 2019 - APR 2020

Nota Ketua Editor

Prakata Pemangku Pengarah

Buletin Utama

6. Penyertaan Pasukan Badminton
7. ASSF Forum and Meeting
8. Festival Grassroot Football
9. Pengasingan Pelajar di Hotel

Program dan Bengkel

11. Program Pembangunan Professional bagi sukan renang
11. Perbincangan MSBDD dengan Agensi Sukan
12. Program Induksi Atlet MSSBD
12. Program Pembangunan Professional bagi sukan badminton
13. Kursus Skim Kepanduan Fasa 1
15. Bengkel Pengendalian Acara
16. Bengkel Literasi Petah Bistari
18. Bengkel Pengucapan Awam
19. Bengkel Penulisan Skrip
20. Bengkel Hadrah

Kejohanan dan Pertandingan

22. Olahraga Sekolah Rendah Senegara
24. Penyampaian Hadiah BIG START
26. Kejohanan Badminton Sekolah Rendah Senegara
28. Penyampaian Hadiah Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa
30. The GREAT Discussion
30. Peringkat Akhir Pertandingan Menambang Syair Permata Nilam Mutiara
32. Manifestasi Lakonan Sajak
33. Money Matters Quiz

Kegiatan Jabatan dan Kementerian

36. Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi
37. Penglibatan Hari Kebangsaan
38. Kempen Derma Darah

Fakta Pendidikan Kokurikulum

Teras Jabatan

40. Unit Jasmani
42. Unit Akli
44. Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan
46. Unit Rohani

PENASIHAT
Pengarah Pendidikan Kokurikulum

KETUA EDITOR
Penolong Pengarah

AHLI SIDANG EDITOR
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Akli
Ketua Unit Rohani
Ketua Unit Jasmani
Ketua Unit Strategik
dan Perhubungan Maklumat
Ketua Unit Berunifom
dan Perkhidmatan Kemasyarakatan
Ketua Unit Perkembangan
dan Latihan Sukan
Masjlis Sukan
Sekolah-Sekolah Brunei Darusalam
Cawangan Daerah-Daerah

BAHAN BERITA
Setiap Unit dan Cawangan

PENYELARAS ONLINE DAN FOTOGRAFI
Bahagian Teknologi Maklumat dan Media

TERBITAN
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Jalan 10, Kampong Perpindahan Lambak
Kanan, Berakas, BC2314, Negara Brunei
Darussalam

Emel **info.dcce@moe.gov.bn**
Facebook **Department of Cocurricular Education Brunei**
Instagram **@infodcce.bn**
Tel **+673 233 041/43/53/54**
Faks **+673 233 2976**
Laman Web **http://www.moe.gov.bn**

Visi

Pendidikan Kokurikulum yang berkualiti
ke arah pembangunan pelajar yang holistik

Misi

Memberikan/Melaksanakan Program dan Perkhidmatan Aktiviti Kokurikulum *untuk memastikan Pendidikan Kokurikulum yang adil dan saksama*

Nota KETUA EDITOR

Dayang Hajah Hajidah binti Hj Abd Wahab
Pemangku Penolong Pengarah

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, dipanjatkan segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas rahmat-Nya jua Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Media, telah berhasil menerbitkan edisi pertama 'Media Koku' sebagai wadah untuk mengongsikan maklumat mengenai kegiatan dan aktiviti kokurikulum bagi setengah tahun pertama 2020. In-shaa-Allah, 'Media Koku' Jabatan Pendidikan Kokurikulum akan diterbitkan dua kali setahun dalam bentuk digital.

Dengan adanya perkongsian ini, diharapkan dapat memberikan impak positif kepada warga Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti bagi perkembangan pelajar yang holistik untuk tatapan bersama.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada para pengarang yang telah menghasilkan tulisan dan karya atas sumbangan dan komitmen dalam merealisasikan penerbitan 'Media Koku'. Semoga 'Media Koku' akan menjadi wadah yang informaif dan ilmiah kepada pembacanya.

Sekian.

Cantiknya seni
Penawar kala dini
Mekar bersemi.

Prakata PEMANGKU PENGARAH

AWANG MUHAMMAD NORILHAM BIN HJ JAIS

PEMANGKU PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah Subahanahu wa Ta'ala, salawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada ahli sidang editor di atas penerbitan edisi pertama 'Media Koku'.

'Media Koku' merupakan sebuah majalah yang dijadikan sebagai platform atau media pemberitahuan yang mengandungi informasi mengenai aktiviti dan kegiatan yang telah dilaksanakan dan diungkayahkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Semoga penerbitan 'Media Koku' ini dapat menyampaikan dan mengongsikan pengetahuan, maklumat, perkembangan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam memberikan pendidikan kokurikulum yang berkualiti bagi melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berfikiran kreatif dan kritis dan bersahsiah mulia.

Akhirnya diucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Teknologi Maklumat dan Media, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, para pengarang dan sesiapa jua yang terlibat atas usaha menerbitkan 'Media Koku' ini. Tidak lupa juga kepada pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang sentiasa berusaha dan bekerjasama dalam mengendalikan aktiviti dan kegiatan kokurikulum bagi para pelajar dan guru-guru. Semoga segala sumbangan yang diberikan akan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

PENYERTAAN PASUKAN BADMINTON MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH BRUNEI DARUSSALAM (MS SSBD)

KE BADMINTON ASIA JUNIOR U17 & U15 CHAMPIONSHIPS 2019 SURABAYA INDONESIA

BERAKAS, Isnin, 9 Disember 2019

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) menyertai kejohanan Badminton Asia Junior U17 dan U15 Championships 2019 yang diadakan bermula 11 hingga 15 Disember 2019 bertempat di GOR Bulutangkis Sudirman, Surabaya, Indonesia.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Mulia Awang Muhammad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Penghantaran dua atlet berkenaan merupakan salah satu program pendedahan kejohanan peringkat antarabangsa dan juga kali disertai oleh atlet MS SSBD yang akan diketuai oleh Awang Budiman bin Ambai, Penolong Jurulatih dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum selaku Pengurus dan Jurulatih dan disertai oleh dua orang atlet iaitu Mohammad Hakeem Rahimee bin Bakar dari Sekolah Menengah Lambak Kiri dan Muhammad Izzuddin bin Ermadena dari Sekolah Sukan. Kedua-dua atlet ini akan menyertai Kategori Perseorangan dan Bergu Bawah 15 Tahun.

ASIAN Schools Sports Federation Forum and Meeting

PATTAYA THAILAND,
Isnin, 16 Disember 2019

Mesyuarat Asian Schools Sport Federation (ASSF) Executive & Technical Commitee telah diadakan di Pattaya, Thailand. Mesyuarat dan forum berlangsung selama 5 hari iaitu bermula pada 16 hingga 20 Disember 2019. Mesyuarat dan forum ini dihadiri oleh Awg Mohammad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Kokurikulum dan Mohamad Nadzri bin Hj Mohd Adnan (MSS2).

Asian Schools Sports Federation (ASFF) ialah sebuah perseketuan sukan peringkat sekolah-sekolah bagi negara-negara Asia yang mana Brunei Darussalam melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) telah menjadi ahli.

FESTIVAL GRASSROOT FOOTBALL

PERINGKAT AKHIR KEJOHANAN FESTIVAL GRASSROOT BOLA SEPAK KLUSTER 2 TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac 2020

Kejohanan tersebut telah berlangsung selama empat hari bermula 2 Mac 2020 dimana seramai 260 murid dari 18 buah sekolah-sekolah rendah di Kluster 2 menyertai. Kategori yang dipertandingkan ialah kategori berumur 9 tahun dan ke bawah dan berumur 12 tahun dan ke bawah. Tetamu kehormat majlis pada hari tersebut ialah Presiden Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan

Kejohanan itu diadakan oleh Unit Jasmani dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD yang bertujuan untuk mengembangkan lagi aktiviti sukan bagi menarik minat kanak-kanak di peringkat akar umbi. Dengan menarik minat juga akan dapat memberikan suasana sukan yang menyeronokkan dengan menyertai aktiviti fizikal dan kemahiran-kemahiran baharu, di samping menanamkan nilai-nilai kejujuran, kerja berpasukan, permainan bersih dan adil serta menghormati dan mematuhi undang-undang permainan.

Bagi kategori 9 tahun dan ke bawah Sekolah Rendah Sengkurong telah mendapat johan. Manakala Sekolah OKSB Kilanas dan Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut masing-masing telah memenangi tempat kedua dan ketiga.

Manakala bagi kategori 12 tahun dan kebawah juara Kejohanan Festival Grassroot Bola Sepak Kluster 2 Tahun 2020 telah disandang oleh Sekolah Rendah Awg Hj Mohd Yusof Katimahar. Sementara itu, naib juara telah dimenangi oleh Sekolah Rendah Pancur Murai dan Sekolah Rendah Bengkurong telah mendapat tempat ketiga. Juara, naib juara dan tempat ketiga masing-masing telah membawa balik trofi pasukan dan medal.

PENGASINGAN PELAJAR DI HOTEL

PEMANTAUAN PELAJAR YANG MENJALANI PENGASINGAN DIRI SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa , 24 Mac 2020

Kesemua pelajar-pelajar yang kembali dari luar negara dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori. di tempat fasiliti-fasiliti yang telah dikenal pasti seperti hotel, apartment atau hostel.

Jabatan Pendidikan Kokurikulu telah diberikan tugasan untuk memantau pelajar - pelajar yang menjalani pengasingan diri di Higher Hotel bermula 24 Mac hingga 18 April 2020.

Jabatan juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh agensi-agensi yang berkenaan serta menjunjung/mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum di atas kerjasama padu dalam menjalankan tugasan tersebut.



“ Ia yang mengerjakan lebih dari apa yang dibayar pada suatu saat akan dibayar lebih dari apa yang ia kerjakan ”

- Napoleon Hill

PROGRAM
DAN BENGKEL

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESSIONAL PEGAWAI TEKNIKAL RENANG

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari 2020

Seramai 20 orang terdiri daripada Pegawai Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Guru-Guru Sekolah Rendah, Menengah Kerajaan dan Pendidikan Swasta telah mengikuti Program Perkembangan Professional Pegawai Teknikal Renang Level I Kohort 1. Kursus yang diadakan secara teori dan praktikal ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan Persatuan Renang Amatur Brunei (BASA yang telah diadakan pada 27 hingga 30 Januari 2020. Fasilitator bagi program tersebut adalah Yang Mulia Harjimmey bin Haji Zainal (BASA Technical Director & FINA International Technical Official) dari Persatuan Renang Amatur Brunei Darussalam (BASA).

Kursus ini merupakan inisiatif awal persiapan Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASG) ke 14 di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022 dan seterusnya menaiktaraf tahap kepakaran dan kelayakan pegawai teknikal dikalangan pegawai-pegawai dan guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan.

PERBINCANGAN MS SSBD DENGAN AGENSI-AGENSI SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 13 Januari 2020

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan (stakeholders) iaitu Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam (BDAF) dan Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB). Tujuan perbincangan adalah bagi program kerjasama kejurulatihan dan latihan atlet-atlet sukan berkenaan bagi persiapan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASG) ke-14 yang akan berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2023.

PROGRAM INDUKSI ATLET MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Januari 2020

Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) mengadakan program induksi bagi Atlet-atlet MS SSBD yang telah berlangsung di Dewan Auditorium Sekolah sukan. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESSIONAL PEGAWAI TEKNIKAL BADMINTON

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari 2020

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) mengadakan Program Pembangunan Professional Pegawai Teknikal bagi sukan Badminton Level 1 Kohort 1. Seramai 22 orang terdiri dari pada Pegawai Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Guru-Guru Sekolah Rendah, Menengah Kerajaan dan Pendidikan Swasta telah mengikuti Program tersebut.

Program yang diadakan secara teori dan praktikal ini telah diadakan selama 4 hari bermula 20 hingga 23 Januari 2020. Fasilitator bagi program tersebut adalah Suhardi bin Liman (*Chief Referee*) dan Siti Wafizah binti Hj Ibrahim (Asst. Chief Referee) dari Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (BNBA).

Program ini bertujuan untuk menyediakan Kumpulan (Pool) pegawai teknikal bagi kejohanan-kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, atau anjuran agensi-agensi berkenaan yang memerlukan dan seterusnya menaiktaraf tahap kepakaran dan kelayakan pegawai teknikal dikalangan pegawai-pegawai dan guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan.

Program ini juga merupakan persiapan awal Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASG) ke 14 di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022.

KURSUS SKIM KEPANDUAN
FASA 1 TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 27 Januari 2020

Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan mengemas kini kaedah penyampaian ilmu kepanduan mengikut keperluan keadaan semasa, pihak Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasaama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam mengambil sikap proaktif dengan inisiatif mencadangkan Kursus Skim Kepanduan Fasa 1 Tahun 2020 buat Pemimpin (Guru Pengawas) dan Pemimpin Muda Pandu Puteri Brunei Darussalam. Skim Kepanduan Fasa 1 ini merupakan panduan buat Guru Pengawas dalam memimpin pasukan masing-masing dari bulan Januari hingga Mei. Manakala Skim Kepanduan Fasa 2 bagi bulan Jun hingga Oktober akan dicadangkan pada bulan Jun. Dengan adanya Kursus ini akan memberikan kemudahan dan menyuntik semangat pemimpin untuk terus bergiat aktif dalam melahirkan generasi muda yang holistik.

Kursus yang diadakan selama tiga (3) hari ini adalah bertemakan Diversiti, Kesaksamaan dan Keterangkuman antara lain bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang tugas dan tanggungjawab selaku pemimpin kepada Unit/Pasukan/Pek Pandu Puteri

Kursus ini akan memberikan kemudahan dan menyuntik semangat pemimpin untuk terus bergiat aktif dalam melahirkan generasi muda yang holistik

lanya juga bertujuan untuk mengenali Skim Kepanduan fasa 1 bagi bulan Januari hingga Mei. Serta bagi mengenali dan mempelajari kaedah-kaedah terkini dalam Pendidikan Kepanduan sebagai kaedah alternatif untuk kegunaan guru-guru dalam memimpin pasukan masing-masing mengikut keperluan dan keadaan semasa. lanya juga membolehkan sesi kongsisama aktiviti Tahunan Persatuan Pantu Puteri Brunei Darussalam.

BENGKEL PENGENDALIAN ACARA KALI KE-2 TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 12 Februari 2020

Bengkel Pengendalian Acara (Event Management) merupakan salah satu program usahasama antara Politeknik Brunei melalui CSDI bersama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli. Bengkel ini merupakan program setiap semester bagi pelajar-pelajar sebagai persiapan awal sebelum mereka menganjurkan majlis-majlis bagi institusi mereka.

Seramai 40 orang pelajar Politeknik Brunei telah menyertai Bengkel Pengendalian Acara (Event Management) ini. Bengkel yang diadakan di Politeknik Brunei ini berlangsung selama dua (2) jam. Bengkel telah disampaikan oleh Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pegawai Pelajaran Kanan / Ketua Unit Akli.

Perisian bengkel ini menekankan langkah-langkah yang perlu diambil dan diberi perhatian sebelum, semasa dan selepas mengendalikan acara ataupun Majlis.

BENGKEL LITERASI PETAH BISTARI

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 7 Februari 2020

Selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035 yang pertama iaitu 'Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya', Literasi budaya ini perlu diberi perhatian bagi menjana pencapaian matlamat ini. Justeru itu Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli, mengorak langkah untuk mengadakan program bimbingan literasi budaya bagi pelajar-pelajar di sekolah rendah iaitu Bengkel 'PETAH BISTARI'.

Objektif Bengkel ini ialah mendorong pelajar untuk menambahbaik diri mereka dari segi lisan, bertulis, audio dan visual serta meningkatkan kerjasama sesama ahli kumpulan dan rakan sebaya dalam menimba ilmu pengetahuan.

Melalui bengkel ini, para pelajar akan diberi pendedahan dan tunjuk ajar bagi meningkatkan dan memperkasa pelbagai kemahiran seperti kemahiran literasi, kemahiran kefahaman dan membuat tafsiran, serta pengucapan awam mereka.

Mendorong pelajar untuk menambahbaik diri mereka dari segi lisan, bertulis, audio dan visual serta meningkatkan kerjasama sesama ahli kumpulan dan rakan sebaya dalam menimba ilmu pengetahuan

Bengkel ini telah dihadiri oleh serama 258 orang pelajar dari 81 buah sekolah rendah di seluruh negara. Bengkel ini dikendalikan selama 7 hari iaitu bermula dari 7 Februari 2020 di Sekolah Rendah Rataie, 10 Februari 2020 di Sekolah Rendah Datu Mahawangsa, 11 Februari 2020 di Sekolah Rendah Rimba II, 12 Februari 2020 di Sekolah Rendah Pg Dipa Negara Pg Jaya Sengkarai, 13 Februari 2020 di Sekolah Rendah Muhammad Alam, 15 Februari 2020 di Sekolah Rendah Beribi Telanai, dan 17 Februari 2020 di Sekolah Rendah Jerudong.

BENGKEL PENGUCAPAN AWAM KALI KE-9 TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari 2020

Bengkel Pengucapan Awam telah bermula sejak tahun 2016 dimana pihak Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Politeknik Brunei telah bersetuju untuk mengendalikan Bengkel ini pada setiap Cuti semester. Dengan keramaian maksima 30 pelajar pada setiap sesi, bengkel ini menekankan kebolehan pelajar dalam pengucapan awam.

Bengkel kali ke-9 ini dikendalikan selama tiga (3) hari bermula dari 25 Februari 2020 hingga 27 Februari 2020. Pembengkel Utama ialah Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pegawai pelajaran Kanan / Ketua Unit Akli, dan dibantu oleh Siti Zubaidah binti Hamid dan Nur Nadirah binti Haji Daud.

Penekanan dalam bengkel ini ialah latihan praktikal di mana para peserta akan membuat latihan-latihan setiap hari samada secara individu, berdua, bertiga maupun berkumpulan. Latihan-latihan yang dikendalikan ini memberi pengalaman baru kepada para pelajar terutama dalam menghadapi penonton dan juga mengatasi kegugupan.

BENGKEL PENULISAN SKRIP DRAMA KALI KE-2 TAHUN 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Mac 2020

Unit Rohani telah mengadakan bengkel Penulisan Skrip Drama kali ke-2 tahun 2020 yang berlangsung pada 2 hingga 4 Mac 2020 bertempat bilik muzakarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Sasaran bengkel tersebut dibukakan kepada guru-guru sekolah menengah kluster 1 hingga kluster 6.

Tujuan bengkel tersebut diadakan ialah untuk memantapkan dan mengukuhkan kemahiran ilmu pengetahuan guru-guru terhadap penulisan skrip drama yang berkualiti. Selain daripada itu, ianya juga bertujuan untuk memperkasa penguasaan Bahasa dan penulisan skrip drama yang sempurna dan bermutu.

Seramai 23 orang guru dari 23 buah sekolah telah mengikuti bengkel tersebut yang mana peserta lelaki seramai 6 orang dan peserta perempuan seramai 17 orang.

Pembengkel bagi bengkel tesebut ialah pegawai-pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Cikgu Nazrul bin Awang Haji Besar dan Cikgu Haji Irwan bin Haji Timbang.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis penutup Bengkel Penulisan Skrip Drama ialah Pengiran Jusri bin Pengiran Haji Hassim, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi penyampaian sijil kepada peserta bengkel, pembengkel dan pemenang penulis skrip.

BENGKEL HADRAH BAGI GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac 2020

Bengkel hadrah adalah merupakan suatu wadah ilmu kesenian islam yang perlu disebar luaskan atau dikembang luaskan kepada guru-guru supaya ianya tidak akan pupus ditelan zaman. Tambahan lagi hadrah merupakan aktiviti tahunan bagi sekolah-sekolah Kerajaan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Rohani.

Seramai 27 orang guru dari sekolah rendah dan sekolah menengah telah menyertai Bengkel Hadrah bagi Guru-Guru Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang telah diadakan bermula 9 Mac 2020 sehingga 11 Mac 2020 bertempat di Ruang Legar Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Sehubungan itu, Dari 27 peserta seramai 35 orang guru lelaki dan 14 orang guru perempuan dari 27 buah sekolah yang menyertai bengkel tersebut.

Salah satu tujuan bengkel tersebut diadakan ialah untuk memupuk semangat perpaduan dan persefahaman yang tinggi di antara pembengkel dengan peserta bengkel.

Selain itu juga, untuk menyatu padukan nilai-nilai budaya kesenian hadrah supaya tidak akan pupus ditelan zaman.

Isi kandungan bengkel tersebut adalah penerangan mengenai sejarah hadrah di Negara Brunei Darussalam diikuti dengan penerangan mengenai pukulan-pukulan asli. Isi kandungan diakhiri dengan penerangan mengenai pembawaan lagu-lagu yang berunsurkan asli ke Bruneian.

Pembengkel bagi bengkel tesebut ialah Ahmad Busyra bin Hj Mat Zin dan Haji Hamzah bin Haji Jali.

Tetamu kehormat bagi majlis penutup Bengkel Hadrah ialah Dayang Rabiah binti Haji Othman Ketua Unit Rohani, JPKK.

" Ambillah risiko yang lebih besar dari apa yang dipikirkan orang lain aman. Berilah perhatian lebih dari apa yang orang lain pikir bijak. Bermimpilah lebih dari apa yang orang lain pikir masuk akal "

- Claude T. Bissell

KEJOHANAN DAN PERTANDINGAN

OLAHRAGA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH SENEGARA 2019

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 12 November 2019

Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Negara Brunei Darussalam telah berlangsung selama dua hari pada 12 dan 13 November 2019 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas. Keseluruhan Kejohanan Olahraga bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Negara Brunei Darussalam Tahun 2019 yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani telah dijuarai oleh Kluster 1B.

Kejohanan tersebut telah disertai oleh 223 murid dari 68 buah sekolah-sekolah rendah seluruh negara terdiri daripada Kluster 1A, Kluster 1B, Kluster 2, Kluster 3, Kluster 4, Kluster 5, Kluster 6 termasuk murid-murid berkeperluan khas.

Kejohanan tersebut diadakan bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada murid-murid sekolah rendah supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan. Ianya juga untuk menilai tahap kualiti dan pencapaian murid -murid yang berpotensi untuk diberikan bimbingan dan latihan serta melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental.

Kluster 1B telah membawa pulang 12 pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

Naib juara telah dimenangi oleh Kluster 2 dengan mengutip empat pingat emas, satu pingat perak dan enam pingat gangsa.

Kluster 6 telah mendapat tempat ketiga dengan membawa balik dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Tetamu kehormat pada Kejohanan Olahraga Peringkat Akhir tersebut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Sebelum kejohanan peringkat akhir bermula lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan dinyanyikan.

Kluster 3 telah memenangi perbaisan lalu, Kluster 2 mendapat tempat kedua dan Kluster 1B disandang tempat ketiga.

Acara-acara yang dipertandingkan ialah acara padang dan balapan termasuk acara-acara bagi murid-murid berkeperluan khas.

Kejohanan tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan sijil penyertaan peserta-peserta yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Kejohanan tersebut diadakan bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada murid-murid sekolah rendah supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan.

PENYAMPAIAN HADIAH BIG START

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 19 November 2019

Pertandingan Big Start kali Ke-7 adalah anjuran Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan disokong oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei. Pertandingan tersebut merupakan projek keusahawanan yang diadakan setiap tahun bagi tujuan untuk menyokong dan mendukung Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 dengan mendedahkan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, pertandingan ini juga bertujuan untuk mebantu mengembangkan kreativiti pelajar dan meningkatkan daya pengalaman dan pengetahuan yang khusus diperlukan dari segi urusan kewangan dan perniagaan.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah bagi Finalis Pertandingan BigStart ke-7 bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab tahun 2019 telah diselajurkan dengan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-2 bagi sekolah-sekolah rendah senegara tahun 2019.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para finalis ialah Ketua Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang selaku wakil peribadi Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan.

Sebanyak 14 buah sekolah menengah dan maktab-maktab menyertai pertandingan ini pada peringkat saringan yang diadakan pada 14 dan 15 Ogos 2019. Namun begitu, hanya lima pasukan yang layak ke peringkat akhir, iaitu Sekolah Menengah Chung Hua Kuala Belait; Sekolah Menengah Masin; Sekolah St. George's; Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali; dan Ma'had Islam Brunei. Para finalis yang berjaya masuk ke peringkat akhir menjalankan perniagaan selama lapan minggu dengan tema tahun 'Local Agriculture Maximising Potential Through Innovation'.

Pasukan Sekolah Chung Hua Kuala Belait dengan nama Syarikat Clucky's diumumkan sebagai johan bagi Pertandingan Bigstart ke-7 pada majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Sekolah Sukan. Manakala, tempat kedua telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Masin dengan nama syarikat AgriFood Empire dan tempat ketiga, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dengan nama Eashab Brunei.

Pertandingan ini juga bertujuan untuk membantu mengembangkan kreativiti pelajar dan meningkatkan daya pengalaman dan pengetahuan yang khusus diperlukan dari segi urusan kewangan dan perniagaan.

KEJOHANAN BADMINTON SEKOLAH RENDAH SENEGARA 2019

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 27 November 2019

Kejohanan Badminton Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Negara Brunei Darussalam 2019 yang berlangsung selama lapan hari bertempat di Dewan Sekolah Sukan bagi pusingan awal manakala peringkat akhir bertempat di Dewan Kompleks Sukan Menglait.

Kategori yang dipertandingkan di Kejohanan Badminton Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Negara Brunei Darussalam ialah murid-murid berumur 12 tahun ke bawah. Acara-acara yang dipertandingkan adalah perseorangan lelaki, perseorangan perempuan, acara bergu lelaki dan acara bergu perempuan.

Tetamu kehormat pada acara peringkat akhir dihadiri oleh Yang Mulia Awang Zainal Abidin Bin Haji Kifli Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 46 sekolah rendah senegara dan seramai 241 murid telah menyertai kejohanan tersebut.

KEPUTUSAN KEJOHANAN BADMINTON SEKOLAH RENDAH SENEGARA BAGI TAHUN 2019

PERSEORANGAN LELAKI				
	JUARA	NAIB JUARA	TEMPAT KETIGA	TEMPAT KEEMPAT
NAMA SEKOLAH	SR BERIBI TELANAI	SM CHUNG HWA	SR TANJONG KINDANA	SR BEBULOH
NAMA PEMAIN	Muhd Talopuddin Bin Ermadena	Rehan Yuwantrik	Syazril Hamizan Bin Shah Minan	Shaherman Aiman Bin Shalim
PERSEORANGAN PEREMPUAN				
	JUARA	NAIB JUARA	TEMPAT KETIGA	TEMPAT KEEMPAT
NAMA SEKOLAH	SR AMAR PAHLAWAN	SR DATO OTHMAN	SR PUTAT	SR PPSDS BANDAR
NAMA PEMAIN	Nurfasha Nadya Binti Mohd Arham	Nurhidayatul Hikmah Binti Md Zainal	Nursyazwani Binti Suhaili	Dk Nur Adlina Batrisyia Binti Pg Shahri

BERGU LELAKI				
	JUARA	NAIB JUARA	TEMPAT KETIGA	TEMPAT KEEMPAT
NAMA SEKOLAH	SM CHUNG HWA, BSB	SR TUNGKU	SR DRHMJ KIARONG	SR KATOK A
NAMA PEMAIN	Chin Fong Bin Mohd Annas Hidayatullah	Muhd Darwisy Syakirin Bin Mardi Md Aqil Bin Samri	Muhd Azeen Bin Muhd Rushdan Muhd Razzeq Bin Seruji	Md Nazrin Nasrullah Bin Md Khamis Arsyard Nasrullah Bin Hairul Azmi
BERGU PEREMPUAN				
	JUARA	NAIB JUARA	TEMPAT KETIGA	TEMPAT KEEMPAT
NAMA SEKOLAH	SR AMAR PAHLAWAN	SR NAR MENUNGGUL	SM CHUNG HWA BSB	SR DRHMJ KIARONG
NAMA PEMAIN	Zulfazlyana Izzaty Binti Heru Pranoto Mislan Ashifa Dhabitah Binti Hj Noordawani	Eka Norlia Ardina Binti Mohd Zulkifli Nur Aina Qistina Binti Norazmane	Adeline Ng Syaerdilah Farazieqah Binti Yuspdillah	Nur Rayidah Aiman Binti Hj Hazman Nur Farhanah Batrishah Binti Ramli

PENYAMPAIAN HADIAH MITSUBISHI ASIAN CHILDREN'S ENIKKI FESTA

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 28 Januari 2020

Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa merupakan acara yang diadakan setiap tahun bagi kanak-kanak dari 24 buah negara di rantau Asia yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Awam Mitsubishi, Kelab dan Persatuan Persekutuan UNESCO Asia Pasifik dan Persekutuan Kebangsaan Persatuan UNESCO di Jepun. Pertandingan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di seluruh dunia untuk memahami cara dan corak kehidupan seharian penduduk khususnya di rantau Asia dengan membawa tema 'Inilah Cara Hidup Saya'.

Matlamat utamanya ialah menggunakan 'Enikki', iaitu menghasilkan gambar diari dalam bentuk gambar dan karangan pendek sebagai usaha bagi berkongsi juga memberikan kefahaman mengenai kehidupan dan budaya dalam kalangan kanak-kanak di rantau Asia untuk membina masa depan yang lebih baik.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa 2019-2020 telah diadakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, Gadong. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis penyampaian hadiah yang dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum , Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Terdahulu, Pegawai Pelajaran Kanan / Ketua Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab dalam ucapannya menjelaskan bahawa penyertaan pada tahun 2019 meningkat sebanyak 19.5 peratus berbanding pada tahun lepas.

Lebih kurang 1,565 penyertaan daripada 87 buah sekolah rendah seluruh negara termasuk sekolah swasta dan sekolah rendah di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyertai pertandingan tersebut. Manakala seramai lapan peserta sahaja yang menerima hadiah Penyertaan Terbaik dan berjaya lulus pemeriksaan daripada panel-panel juri yang dilantik untuk dihantar kepada pihak penganjur di Tokyo, Jepun.

THE GREAT DISCUSSION
BERTEMAKAN "PERUBAHAN IKLIM"

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 30 Januari 2020

Pertandingan 'The Great Discussion' untuk pelajar tingkatan enam adalah bertemakan 'Perubahan Iklim' dan dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam bersama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum di Kementerian Pendidikan dengan sokongan dari CfBT Education Services dan Standard Chartered Bank. Pertandingan ini bersesuaian untuk membentuk hala tuju Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah negara yang rendah karbon serta menangan kesan perubahan iklim.

'The Great Discussion' adalah sebahagian daripada kempen 'Education is GREAT' yang dijalankan di seluruh ASEAN untuk memberi peluang meraikan hubungan pendidikan yang telah lama terjalin antara UK dan Brunei serta menyokong Brunei Vision 2035 untuk melahirkan generasi pemimpin masa depan. Disamping itu, pertandingan ini membolehkan pelajar mempraktikkan dan mengembangkan kemahiran berbahas mereka, sambil memperoleh pengalaman membincangkan topik dalam bentuk kehidupan realiti.

Lima sekolah yang bertanding dalam pusingan awal adalah Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Pusat Tingkatan Enam Tutong, Kolej Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali. Antara hakim-hakim yang memainkan peranan penting dalam memberikan maklum balas kepada pelajar ialah Muhammad Aziman bin Haji Nasir dari Majlis Wawasan 2035, Noor Dina Zharina binti Haji Yahya dari Sekretariat Perubahan Iklim dan Irwan bin Haji Abdul Rahman dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Pusat Tingkatan Enam muncul sebagai johan dalam pertandingan ini selepas mengalahkan Sekolah Menengah Sayyidina Ali pada peringkat akhir di Radio Televisyen Brunei (RTB) yang diadakan pada 30 Januari 2020. Manakala anugerah 'Best Panellist' telah diberikan kepada Awangku Md Nukman Syawqi bin Pengiran Md Salimin dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong dan 'Best Moderator' dianugerahkan kepada Mohd Na'iim bin Mohd Rafi dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Pendidikan Datin Seri Paduka Dr Hajah Romaizah sarjana Haji Mohd Salleh memberikan hadiah dan anugerah disamping Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam Richard Lindsay.

PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN MENAMBANG SYAIR PERMATA NILAM MUTIARA

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 29 Februari 2020

Peringkat saringan Menambang Syair telah diadakan pada 29 Februari dan 2 Mac 2020 di Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Sebanyak 16 buah sekolah telah menyertai di peringkat ini dan setiap pasukan dikehendaki untuk Menambang Syair dengan menggunakan Irama Tambang Begawan; Tambang Siti Zubaidah; Tambang Si Mercu Gunung; Tambang Beranyut; Tambang Berunggai Lanjar dan Tambang Dendang Beradu.

Syair yang dibawakan pula hendaklah dipetik sebanyak 10 rangkap cuplikan dari Syair Madah Permata; Syair Mutiara Darussalam dan Syair Nilam Jauhari. Pertandingan yang diadakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan mendedahkan kemahiran Menambang Syair kepada para pelajar sekolah rendah.

Ia juga untuk memartabatkan dan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar sekolah rendah selain mengangkat dan mengetengahkan karya-karya syair tempatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan di Pentas Pesta Buku, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Sementara objektif pertandingan adalah untuk mengembangkan bakat dan menggilap potensi para pelajar dalam Penambangan Syair Tradisi Brunei disamping membolehkan para pelajar menghayati dan berkongsi nilai murni serta pengajaran umum yang diperoleh melalui Syair Ibnu 'Abdir-Raheem yang disampaikan.

Memartabatkan dan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar sekolah rendah selain mengangkat dan mengetengahkan karya-karya syair tempatan

Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bukok, Temburong menjuarai Pertandingan Menambang Syair 'Permata Nilam Mutiara' bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2020 dan diikuti oleh Sekolah Al-Falaah sebagai naib johan. Manakala, Tempat ketiga disandang oleh Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

KEPUTUSAN PERTANDINGAN MENAMBANG SYAIR

MANIFESTASI LAKONAN SAJAK

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 6 Mac 2020

Manifestasi Lakonan Sajak Peringkat Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2020 anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli bermatlamat sebagai penjana intelek dan kreativiti pelajar dalam penghasilan karya seni selain memupuk kesedaran dan kecintaan para pelajar terhadap pemerkasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga berperanan penting untuk mengangkat industri seni kreatif negara yang kaya dengan ketamadunan, calak Ke-Bruneian dan intelektualisasi kebangsaan.

Sebanyak 18 buah sekolah menyertai di peringkat saringan dan hanya empat buah sekolah layak ke peringkat akhir. Setiap pasukan terdiri daripada empat pelajar dan dikehendaki untuk melakonkan sebuah sajak yang berunsurkan semangat kebangsaan yang dihasilkan oleh penulis tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Dengan memperoleh markah 90.67 peratus, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan Manifestasi Lakonan Sajak Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2020.

Manakala naib juara disandang oleh Sekolah -sekolah Arab Rimba dengan markah 88.67 peratus diikuti tempat ketiga ialah Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dengan markah 85 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan yang berlangsung di Pentas Pesta Buku, Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah di sini ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Antara objektif pertandingan adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan berbahasa Melayu di kalangan pelajar serta memupuk minat dan kecintaan para pelajar terhadap bahasa dan sastera Melayu. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran seni lakonan serta mengetengahkan bakat para pelajar dalam bidang lakonan.

MONEY MATTERS QUIZ

SEMPENA SAMBUTAN *GLOBAL MONEY WEEK* 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac 2020

Money Matters Quiz adalah sebuah kuiz yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli, dengan kerjasama Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Persatuan Perancangan Kewangan Negara Brunei Darussalam (FPAB) dan Radio Televisyen Brunei (RTB), sebagai salah satu acara untuk kempen *Global Money Week* 2020.

Dengan tema *Learn.Save.Earn*. objektif kuiz ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan merancang kewangan dalam persekitaran yang mencabar serta menguji kecekapan dan kemahiran berfikir pelajar dalam menangani cabaran pada masa yang singkat.

Memandangkan kepada penularan pandemik COVID-19 maka kuiz ini dikendalikan secara terbuka melalui dua rangkaian radio di Radio Televisyen Brunei iaitu Rangkaian Nasional dan Rangkaian Pilihan.

Sebanyak 28 buah soalan disediakan iaitu 14 buah soalan berbahasa Melayu dan 14 buah soalan berbahasa Inggeris bagi pelajar. Soalan-soalan ini telah disiarkan selama seminggu bermula dari 23 Mac 2020 hingga 29 Mac 2020. Seramai 22 orang pemenang telah berjaya membawa pulang hadiah-hadiah tajaan dari pelbagai agensi.

"Cara paling mendasar dan kuat untuk terhubung dengan orang lain adalah dengan mendengarkan. Cukup dengarkan. Mungkin hal terpenting yang boleh kita berikan kepada orang lain adalah perhatian kita"

- Rachel Naomi Remen

KEGIATAN JABATAN DAN KEMENTERIAN

DIKIR SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 November 2019

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Kementerian Pendidikan pula telah berlangsung di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kokurikulum dan dianjurkan bersama oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Unit Pendidikan Khas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr Haji Azman bin Ahmad. Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Haji Ady Syarmin bin Haji Mohd Taib, timbalan-timbalan setiausaha tetap, ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan kementerian.

Majlis juga diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Meneladani Muamalat Rasulullah SAW' yang disampaikan oleh pegawai di Unit Kaunseling dan Pemahaman Agama, Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

PERBARISAN, PERSEMBAHAN DAN BACAAN IKRAR

SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-36 TAHUN

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 23 Februari 2020

Seperti lazimnya, pegawai dan kakitangan di Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah terlibat dalam acara yang berlangsung sepanjang sambutan hari kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-36 Tahun.

Tahun ini, salah seorang pegawai di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli telah terpilih untuk mengepalai bacaan ikrar Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun.

KEMPEN DERMA DARAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI PROJEK AMAL KEMASYARAKATAN FASTABIQUL KHAIRAT KALI KE-5

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 April 2020

Projek Amal Kemasyarakatan Fastabiqul Khairat Kementerian Pendidikan merupakan projek tahunan Kementerian Pendidikan yang diselenggarakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan. Salah satu aktiviti yang dilaksanakan kali ke-5 ini ialah Kempen Derma Darah dengan bertujuan untuk membantu menambah tabung simpanan darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai usaha menyelamatkan nyawa bagi orang-orang yang sangat memerlukannya.

Dengan kerjasama dan sokongan penuh dari Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS, Kempen Derma Darah ini telah dilaksanakan selama dua hari yang bermula 1 April 2020 hingga 2 April 2020 dari jam 8:00 pagi hingga 11:30 pagi dan 1:30 petang hingga 4:00 petang. Hasil dari kempen selama dua hari tersebut telah berjaya mengumpul 109 pain darah.

Kempen ini juga memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk menjadi insan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat serta aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dalam membantu golongan yang memerlukan di samping memberikan kesihatan tubuh kepada penderma.

" Kembangkan sikap untuk selalu menjadi lebih baik. Membuat kelainan yang kecil dalam tindakan akan menghasilkan kelainan yang besar dalam hasil yang diperoleh "

- Brian Tracy

FAKTA
PENDIDIKAN KOKURIKULUM

Fungsi UNIT JASMANI *ty*

PENGIRAN JUSRI BIN PENGIRAN HJ HASSIM
KETUA UNIT JASMANI

Unit Jasmani telah dipertanggung-jawapkan untuk menjalankan core business jabatan dengan menyelaras, melaksanakan dan menganjurkan aktiviti dan kegiatan yang berkaitan dengan kesukanan, kesihatan dan kecergasan di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Melalui perlaksanaan aktiviti Unit Jasmani, adalah diharapkan agar ianya dapat mendukung misi Kementerian Pendidikan untuk "Menyediakan Pendidikan yang Holistik bagi Mencapai Potensi Penuh bagi Semua" dan misi Jabatan Pendidikan Kokurikulum untuk "Mengembangkan Bakat, Kemahiran dan Sahsiah Pelajar Untuk mencapai Potensi yang Maksima" dengan melahirkan pelajar-pelajar yang sentiasa cergas, cekap, aktif, berdisiplin, berdaya maju, berdaya tahan dan produktif.

Melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti ini juga dapat membina peribadi mulia dalam kalangan pelajar dengan membentuk pelajar-pelajar yang patuh dengan peraturan dan secara tidak langsung akan mendidik pelajar untuk berhemah tinggi, bertanggungjawab, berdisiplin dan membina jati diri kearah kepimpinan dengan nilai-nilai murni untuk menghadapi cabaran di masa hadapan.

Melalui pengisian ini adalah diharapkan agar para pembaca mendapat sedikit sebanyak pengetahuan dan menambah kefahaman mengenai tugas dan tanggungjawap serta peranan Unit Jasmani dalam menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mendukung visi dan misi Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Kepada ibu bapa, adalah diharapkan agar terus memberikan sokongan kepada anak-anak untuk bergiat aktif dalam aktiviti kesukanan, kecergasan dan kesihatan kerana potensi dan penglibatan pelajar akan membantu mereka untuk mencipta kecemerlangan dalam bidang yang mereka minati.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA BAGI UNIT JASMANI

1. Menyelaras segala perancangan dan pelaksanaan aktiviti dan kegiatan yang di pertanggungjawabkan kepada unit berkenaan.

2. Membuat perancangan yang berkaitan denga perkembangan bidang kesukanan.

3. Menerima maklumbalas dan seterusnya membuat penyelidikan terhadap penganjuran aktiviti kesukanan dan membuat cadangan-cadangan pembaikan.

4. Menyelaras segala peruntukan tahunan yang diagihkan.

5. Melaksana dan menyelaras kegiatan -kegiatan dan kejohanan-kejohanan berbentuk sukan yang di senaraikan dalam kalendar sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab peringkat kawasan, daerah dan Negara.

6. Mengendalikan kursus, bengkel atau seminar kepada guru-guru dan pegawai yang berkaitan dengan pengurusan dan kepegawaian teknikal.

7.Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek yang bersangkut paut dengan latihan, bengkel, kursus atau seminar dalam bidang sukan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan badan-badan sukan kebangsaan.

Fungsi UNIT AKLI *ua*

DYG HJH HAJIDAH BINTI HJ ABD WAHAB
KETUA UNIT AKLI

Sebagai salah sebuah unit yang menyelaras *core business* Jabatan, warga Akli berharap kegiatan dan aktiviti yang dikendalikan Unit akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, mempelbagaikan kemahiran dan meningkatkan kecekapan para pelajar dalam usaha Jabatan untuk membangun dan mengembangkan diri pelajar scara holistik. Perkara ini dilaksanakan melalui penerapan integrasi Literasi Budaya dan Maqasid As-Syariah ke dalam aktiviti dan kegiatan Unit yang berbentuk kesenian, kebudayaan, kemahiran, keusahwanan dan permainan dalam.

Pengintegrasian ini dapat memberikan multi-ilmu, multi-kemahiran dan meningkatkan kecekapan literasi para pelajar dan sekaligus dapat melahirkan dan mewujudkan pelajar yang mempunyai jati diri keBruneian, beradab,berilmu,berkemahiran dan bertanggungjawab. Hal ini sesuai dengan visi & misi Jabatan dan Kementerian Pendidikan, serta selaras dengan hasrat & wawasan negara 2035 untuk melahirkan rakyat yang berilmu, berpendidikan tinggi dan mempunyai pelbagai kemahiran. Hubungan kerjasama Jabatan dengan agensi luar (Jabatan, Kementerian, Kedutaan) juga diharap dapat dipertingkatkan melalui pengendalian kegiatan dan aktiviti yang inovatif secara penganjuran bersama. Hal ini secara tidak langsung dapat meluaskan lagi jaringan kerjasama antara Jabatan dengan agensi lain.

Diharap dapat menambah pengetahuan dan kefahaman para pembaca mengenai peranan Unit Akli, pengendalian kegiatan dan aktiviti yang dijalankan oleh Unit sama ada yang dijalankan melalui jabatan, kerjasama dengan agensi luar, dalam dan luar negara.

Selain itu, pembaca boleh mendapatkan maklumat dan saranan mengenai pengendalian kegiatan dan aktiviti kesenian, kebudayaan, kemahiran, keusahawanan dan permainan dalam.

Unit Akli merancang, menyediakan, melaksanakan dan menyelaras kegiatan dan aktiviti Kokurikulum untuk penglibatan para pelajar di semua peringkat persekolahan yang bermula dari peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-Maktab hingga ke peringkatan Tingkatan Enam.

Unit Akli juga berfungsi sebagai penganjur dan pengendali projek dan acara yang berbentuk kesenian, kebudayaan, kemahiran, keusahawanan dan permainan dalam sama ada dianjurkan sendiri, di jemput atau dianjurkan bersama agensi luar.

BUAT MU

Tahlil dibaca
Bersama keluarga
Di pagi mulia
Mohon berkah dan doa
Buat indung disana

Wadah Wahab
191219 @8:15am

Fungsi UNIT BERUNIFORM DAN PERKHIDMATAN KEMASYARAKATAN

ubpk

DYG HJH ROSEDIANA BINTI HJ HIDOP
KETUA UNIT BERUNIFORM DAN PERKHIDMATAN KEMASYARAKTAN

Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan akan berusaha menyediakan aktiviti-aktiviti dan Program berkonsepkan Melayu Islam Beraja yang merangsang minat, memberikan banyak pilihan dan peluang yang saksama kepada pelajar-pelajar untuk terlibat.

Adalah sangat tinggi harapan Unit ini untuk melahirkan pelajar-pelajar yang *life ready* menjadi individu dan bakal pemimpin yang berwibawa, berdikari, berkemahiran, berketerampilan, tahan lasak, berwawasan dan bersemangat patriotik. Di samping menjadikan mereka masyarakat yang berjiwa rela memberikan khidmat bakti serta sumbangan demi agama, bangsa, raja dan negara.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA BAGI UNIT BERUNIFORM DAN PERKHIDMATAN KEMASYARAKATAN

1. Mengawasi dan menyelaras latihan dan perkembangan pasukan-pasukan Beruniform di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab seluruh Negara.

2. Bekerjasama dengan agensi-agensi pasukan Beruniform seperti Polis Di-raja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Persekutuan Pengakap Kebangsaan, Persatuan Pandu Puteri dan Persatuan Bulan Sabit Merah dalam penubuhan, latihan, kursus, seminar yang berkaitan dengan pasukan Beruniform sekolah.

3. Membantu Unit-Unit dalam memberikan khidmat pasukan beruniform dalam kejohanan dan pertandingan yang dijalankan.

4. Berusaha untuk meningkatkan jumlah keramaian yang menyertai pasukan-pasukan beruniform.

5. Memantau segala aktiviti yang dijalankan oleh pihak pasukan beruniform sekolah.

6. Menyelaras dan memantau kursus-kursus yang diadakan oleh pihak OBBD dan OBS.

7. Menyelaras peruntukan yang diberikan kepada Unit dan membelanjakannya dengan taratur mengikut prosedur yang ditetapkan.

8. Melaksanakan penyelidikan dan menyediakan laporan tahunan bagi unit berkenaan kearah pembaikan perkara yang bersangkutan dengan kegiatan dan pertandingan yang dilaksanakan oleh unit bekenaan.

Dari perkongsian ini akan memberikan informasi dan pengetahuan kepada pembaca akan aktiviti-aktiviti dan program yang dikendalikan dan dilaksanakan Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan. Memberikan makluman usaha-usaha jabatan dalam sama-sama menyokong pendidikan holistik dan wawasan negara untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Disamping memperlihatkan kerjasama UBPK dengan agensi-agensi yang berkepentingan bagi sama-sama menyokong dalam membantu merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program khusus untuk pelajar.

Apa yang penting juga ianya membantu membuka mata dan mencelikkan pandangan ibu bapa akan kepentingan menyertai Pasukan Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan.

Fungsi UNIT ROHANI *ur*

DYG RABIAH BINTI HAJI OTHMAN
KETUA UNIT ROHANI

Aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di Unit Rohani diharapkan dapat melahirkan anak-anak bangsa kitani yang mempunyai nilai-nilai murni yang dapat diserapkan dalam diri pelajar-pelajar bagi pembangunan insan secara holistik. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan juga diharap dapat memupuk dan mengembangkan muhibbah yang tinggi kepada pelajar-pelajar dalam menghayati dan mengamalkan seruan Islam dalam kehidupan seharian untuk menjadi generasi yang bakal menerajui pucuk pimpinan dimasa hadapan.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini adalah sebagai wadah ilmu demi untuk mengeratkan interaksi dan silaturrahim di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru sekaligus untuk meningkatkan syiar dan dakwah Islamiah. Selain itu dapat menarik minat dan memberikan peluang serta mencetuskan kesedaran di kalangan pelajar supaya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti keagamaan berunsurkan nilai-nilai murni islam dan kemanusiaan sejagat berlandaskan Konsep Melayu Islam Beraja.

Melalui pengisian ini, diharapkan pembaca dapat memahami tugas dan tanggungjawab Unit Rohani dalam melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni secara holistik. Masyarakat khususnya ibubapa dan penjaga akan dapat memberi peluang kepada anak-anak biskita untuk menyertai aktiviti-aktiviti kerohanian yang menjadi platform utama dalam membentuk jiwa dan semangat dalam diri pelajar. Aktiviti-aktiviti yang dirancang ini jua dapat memberi peluang kepada pelajar menunjukkan bakat dan kebolehan yang dimiliki untuk perkembangan rohani, intelek dan sosial.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA BAGI UNIT ROHANI

1. Melaksanakan dan menyelaras kegiatan-kegiatan dan pertandingan berbentuk Keagamaan yang disenaraikan dalam Kalendar Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi Sekolah-Sekolah Rendah, Menengah, Maktab-Maktab dan Pra Universiti Peringkat Kluster, Daerah dan Negara.

2. Melaksanakan dan merayakan Sambutan hari-hari kebesaran Islam di Peringkat Jabatan, Kementerian dan Negara.

3. Menyelaras peruntukan yang diberikan kepada bahagian dan membelanjakannya dengan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan.

4. Mengendalikan kursus, bengkel atau seminar kepada pelajar-pelajar, guru-guru dan pegawai yang berkaitan dengan kegiatan Keagamaan.

5. Melaksanakan penyelidikan dan menyediakan laporan tahunan bagi acara Keagamaan ke arah pembaikan perkara yang bersangkutan dengan kegiatan dan pertandingan yang dilaksanakan oleh Unit Rohani.

6. Melantik pegawai-pegawai yang bertanggungjawab sebagai penyelaras dan pegawai projek/khusus kepada Kegiatan dan Pertandingan antara sekolah-sekolah bagi peringkat kluster, Daerah dan Negara.

7. Menyelaras dan memantau perlaksanaan projek yang bersangkutan dengan latihan, bengkel, kursus, seminar serta acara-acara keagamaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan atau Kementerian-Kementerian.

8. Menerima dan melaksanakan arahan-arahan mendatang dari Pengarah, Penolong Pengarah dan pegawai-pegawai atasan.

Agama Islam sangat menitikberatkan tentang penjagaan kebersihan dan mewujudkan suasana yang selesa di dalam semua keadaan sama ada ketika beribadat ataupun tidak. Islam amat menyukai orang yang cintakan kebersihan serta sentiasa menjaganya kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Perlu diketahui bahawa menjaga kebersihan ini termasuk di dalam ciri-ciri orang yang beriman, sebagaimana dalam sebuah hadis Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya :
"Dari Abu Malik al-As'hari berkata : Sabda Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Kebersihan itu sebahagian daripada iman." Riwayat Imam Muslim

Ucapan Selamat BERSARA

AWANG MOHAMMAD JAIS BIN HAJI ABD RAHMAN

Mantan Pemangku Pengarah

Pegawai Pelajaran Kanan

TARIKH MULA BERKHIDMAT

12 / 09 / 1989

TARIKH BERSARA

06 / 02 / 2020

Seluruh warga
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
mengucapkan selamat bersara
dan setinggi penghargaan kepada
Mantan Pemangku Pengarah
Awang Mohammad Jais Bin Haji Abd Rahman
dan
Awang Ajamain Bin Haji Othman
atas segala khidmat bakti
yang telah dicurahkan.

AWANG AJAMAIN BIN HAJI OTHMAN

Pegawai Pelajaran

TARIKH MULA BERKHIDMAT

03 / 07 / 1991

TARIKH BERSARA

04 / 03 / 2020

"Dari Bandar Pergi Ke Pekan,
Mencari-cari Beras Sembada,
Selamat Menuju Alam Persaraan,
Semoga Sentiasa Sihat Sejahtera"

Nukilan Awang Irwan Bin Hj Abd Rahman

Ucapan Penghargaan DAN TERIMA KASIH

Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan

Sekolah-sekolah dan para pelajar yang menyertai
pertandingan, bengkel dan
kegiatan Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Semoga sumbangan dan kerjasama yang diberikan
itu akan mendapat ganjaran yang
sentimpal daripada Allah Subahanahu Wa Ta'ala jua.
Amin Ya Rabbal 'Alamin.

BULETIN RASMI PENDIDIKAN KOKURIKULUM

MEDIA KOKU

info.dcce@moe.gov.bn
Department of Co-Curricular Education Brunei
infoDCCE.bn
+673 233 3041/43/53/54
FAX +673 233 2974
moe.gov.bn